



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

PENGUMUMAN RASMI

KRISIS COVID-19

**STATUS KEHADIRAN KE KAMPUS BAGI PELAJAR YANG TERLIBAT DENGAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Selaras dengan pengumuman Y.B. Menteri Kanan Pertahanan pada 10 September 2020 berhubung penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman, pihak pengurusan universiti memutuskan bahawa pelajar yang terlibat dengan perintah tersebut dikehendaki 'MENANGGUHKAN' kehadiran ke kampus sehingga tempoh PKPD tamat.
2. Penangguhan ini meliputi perkara berikut ;
 - a. Pelajar yang akan menduduki Peperiksaan akhir Fasa 2 yang dijadualkan pada 5 sehingga 16 Oktober 2020 dan peperiksaan akhir Fasa 3 yang dijadualkan pada 19 sehingga 30 Oktober 2020, pihak universiti akan mengadakan peperiksaan khas.
 - b. Pelajar yang mempunyai kerja makmal yang dijadualkan pada 14 September sehingga 2 Oktober 2020, pelajar hendaklah menghubungi Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) fakulti masing masing untuk penjadualan semula kerja makmal.

- c. Pelajar baharu yang berada di Zon PKPD, kehadiran ke kampus dibenarkan setelah PKPD tamat.
3. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajar yang terlibat dengan PKPD akan dilaksanakan secara dalam talian.
4. Sehubungan dengan itu, semua pelajar diingatkan untuk sentiasa peka terhadap sebarang pemakluman rasmi dan mematuhi arahan Majlis Keselamatan Negara.
5. Pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999 sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



(PROFESOR. DATO. Ts. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh : 21 September 2020

s.k

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarbangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi

Bendahari / ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Pemakluman Berkenaan Status Kehadiran Pelajar ke Kampus

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita